

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 MARCH 2017

PM hargai bantuan, sokongan Presiden Filipina

BH - 31/3/2017

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak merakamkan ucapan terima kasih kepada Presiden Filipina, Rodrigo Duterte yang membantu membebaskan tiga lagi rakyat Malaysia yang diculik kumpulan Abu Sayyaf sejak Julai tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, bantuan dan sokongan diberikan Duterte membolehkan misi pembebasan itu berjaya dilaksanakan.

“Alhamdulillah, tiga lagi rakyat kita menjadikan semuanya lima orang selamat dan kini sudah berada dengan keluarga masing-masing.

“Bagi pihak kerajaan dan rakyat

Malaysia, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan, terutama kepada Presiden Filipina kerana saya tahu misi melepaskan mereka (tebusan) adalah atas usaha beliau sendiri.

“Beliau (Duterte) hendak pembebasan (mangsa culik) itu sempena hari jadi beliau yang ke-72, Ahad lalu. Beliau mahu ini (misi pembebasan) menjadi tanda keakraban hubungan Filipina dan Malaysia.

“Terima kasih pada Presiden Duterte atas usaha ini hingga mencapai kejayaan,” katanya pada sidang media selepas menemui tiga mangsa culik berkenaan di kedua-

manya di sini, semalam.

Fandy Bakran, 27; Mohamad Jumadil Rahim, 24, dan Mohd Ridzuan Ismail, 33, dibebaskan Ahad lalu dan dibawa bertemu Perdana Menteri semalam hasil inisiatif Presiden Kelab Putera 1Malaysia (KP1M), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pertemuan penuh emosi

Pada pertemuan penuh emosi itu, Fandy yang masih bujang disatukan semula dengan ibunya, Hasmia Lahapi, 51; dan dua abangnya, Faisal, 32, dan Mohd Fuad, 29.

Mohamad Jumadil disambut sepupu, Faisal Rajani, 44, dan bapa

saudara, Rahman Arshad, 47, manakala Mohd Ridzuan disambut isteri, Aryanti Hamsih, 31, dan tiga anak mereka, iaitu Nur Amira Nasuha, 11 tahun; Noridawati, 6 tahun dan Nur Ain Sofia, 11 bulan serta ibu mentua, Hasnah Sumas, 65.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut berterima kasih kepada tentera Filipina, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia, Wisma Putra, kerajaan Sabah dan KP1M yang membantu membawa pulang mangsa culik serta menguruskan pertemuan dengan keluarga.

Terdahulu, Najib meluangkan masa kira-kira setengah jam ber-

sama tiga mangsa terbabit kira-kira jam 8.15 pagi tadi.

Operasi menyelamat

Mohamad Jumadil, Mohd Ridzuan dan Fandy Bakran diselamatkan pasukan keselamatan Filipina dalam satu operasi di kawasan umum Punay (Publicion) Panglima Estino, Filipina pada jam 11.30 malam Ahad lalu.

Pada Isnin lalu, Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut bertemu dan mendengar sendiri cerita dua lagi nelayan yang turut menjadi mangsa culik, Tayudin Anjut, 46, dan Abdul Rahim Summas, 63.